

10/01/1997

Tingkatkan kecekapan: Mahathir

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hasan Omar; Hassan Ahmad
SINTOK, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat meningkatkan kecekapan dan keupayaan mengurus bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020.

Perdana Menteri berkata, tanpa kemahiran mengurus, semua bidang yang diceburi tidak akan berjaya dan matlamat mencapai status negara maju sukar dicapai.

Walaupun keupayaan mengurus sekarang membolehkan negara yang dahulunya mundur mencatat kejayaan berbanding negara membangun lain, ia belum memadai untuk mencapai wawasan negara.

"Pengurusan dan keupayaan mentadbir amat penting kerana tanpanya kita tidak boleh mencapai kejayaan. Untuk berjaya seseorang juga mesti pandai mengurus kehidupan dirinya.

"Jika kita mengikut arus saja tanpa meningkatkan keupayaan pengurusan yang sesuai dengan alam sekeliling, tentulah kita tidak akan maju. Kejayaan sekarang belum mencapai tahap maksimum dan kita perlu meningkatkan keupayaan dalam pengurusan," katanya di majlis perhimpunan pelajar kokurikulum Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng dan Naib Canselor UUM, Datuk Dr Shamsuddin Kassim.

Perdana Menteri berkata, walaupun kecekapan pengurusan boleh diperolehi secara semula jadi tanpa mendapat pendidikan sempurna, kebolehan itu boleh dipupuk melalui kaedah menimba ilmu.

Beliau merujuk kepada kejayaan Pengerusi Genting Bhd, Tan Sri Lim Goh Tong yang datang ke Malaysia dari China sebagai buruh tetapi berjaya menjadi usahawan dan jutawan walaupun tidak mengikuti pengajian khusus dalam bidang perniagaan dan pengurusan.

"Kadang-kadang kecekapan pengurusan datang secara semula jadi kepada seseorang yang tidak berpelajaran seperti Lim, tetapi tidak semua yang datang dari China berjaya seperti beliau kerana mereka tidak memiliki kecekapan mengurus. Justeru, kita perlu belajar mendapat ilmu dalam bidang pengurusan," katanya.

Dr Mahathir juga menjelaskan, penubuhan UUM adalah untuk menyediakan pusat melatih pelajar dalam bidang pengurusan kerana negara memerlukan rakyat yang cekap untuk membangunkan masyarakat, negara dan perniagaan.

Sehubungan itu, rakyat, terutama pelajar perlu meningkatkan disiplin, mengawal nafsu daripada melakukan kegiatan tidak berfaedah dan tidak mengejar keseronokan semata-mata.

(END)